

Statistik-statistik Qatar:

- 90+% Muslim
- Lebih kurang 900,000 orang penduduk

(mungkin 200,000 merupakan warganegara)

Kita dapat mengucap syukur atas banyak perkara yang telah berlaku di Qatar sejak kita berdoa untuk negara ini melalui “30 Hari” pada tahun 1998. Contohnya, pada bulan

Mei 2005, wakil-wakil beberapa gereja Kristian telah menandatangani suatu perjanjian dengan Kerajaan Qatar untuk menyewa suatu bidang tanah yang besar di ibukota Doha selama 50 tahun. Mereka akan membina enam bangunan gereja di atas tanah itu dengan duit sendiri. Perlembagaan baru juga memberi kebebasan untuk beribadat, bertemu dan berhimpun secara umum, walaupun terdapat juga beberapa pembatasan.

Qatar mungkin paling terkenal di dunia kini sebagai tempat

Al-Jazeera, iaitu suatu saluran berita yang kontroversial. Ia menyiarkan siaran-siarannya dalam bahasa Arab melalui televisyen satelit. Buat turun-temurun, Qatar hanya merupakan suatu semenanjung berpasir yang terjulur di Teluk Parsi di mana orang-orang Arab tempatan membina kapal dan menyara hidup dengan mencari mutiara, menangkap ikan dan menganyam. Minyak ditemui di Qatar pada tahun 1939, dan kini minyak dan gas merupakan lebih dari 55% hasil domestik negara ini, lebih kurang 85% pendapatan eksport, dan 70% pendapatan

Hari 06 | Pasir Berganjak di Qatar

negara. Qatar berpotensi untuk membekalkan sehingga satu pertiga sumber gas asli sedunia. Semua ini telah menukarkan Qatar menjadi salah satu negara yang terkaya di dunia.

Qatar memeluk agam Islam dari awal lagi, pada abad ke 7. Kini, Qatar sangat dipengaruhi dari segi politik dan social oleh tafsiran Syariat atau undang-undang yang timbul dari gerakan pemulihan Islam Wahhabi. Orang-orang Wahhabi percaya bahawa peranan gerakan mereka adalah untuk memulihkan

Islam daripada apa yang dianggap mereka sebagai perubahan, kepercayaan karut, ajaran sesat dan penyembahan berhala. Ini merupakan gerakan Sunnah, yang sangat menentang kecenderungan orang-orang Syiah.

Orang-orang bukan Muslim tidak boleh menginjil, dan kerajaan mengawasi penerbitan, pengimpotan dan pengedaran buku-buku dan bahan-bahan keagamaan yang bukan Islam. Tiada kumpulan misionari asing yang boleh menjalankan kerja mereka

secara terbuka di negara ini. Jumlah orang-orang Kristian dari semua denominasi dan tahap komitmen di dalam negara ini dijangkakan pada 8-9%, kebanyakan mereka adalah pekerja asing.

Bahan-bahan Doa:

* Keluarga Al-Thani telah memerintah Qatar sejak pertengahan tahun 1800-an. Berdoalah agar pemimpin-pemimpin ini akan diberi hikmat untuk memimpin negara ini. Pemimpin ini yang diberi gelaran “Amir”

Hari 06 | Pasir Berganjak di Qatar

mempunyai tiga isteri dan 15 orang anak.

* Berdoalah untuk projek pembinaan bangunan gereja di ibukota Doha. Setakat ini telah berlaku beberapa perkara yang melambatkan projek ini dan terdapat juga media Islam yang telah membuat aduan tentang projek tersebut.

* Berdoalah agar nominalisme, kelakuan tidak moral dan tidak rohani akan berkurangan di dalam masyarakat Kristian. Ia merupakan satu-satunya cara

di mana orang-orang Kristian dapat memperoleh hormat daripada orang-orang Islam dan membawa perubahan yang baik dan salih dalam negara ini.

* Setengah pekerja Qatar dan juga pekerja asing sedang menemui Kristus melalui media dan perhubungan dengan orang-orang Kristian tempatan. Berdoalah untuk mereka yang menemui Mesias yang telah bangkit sementara mereka bertumbuh dalam iman.

Berdoalah juga untuk:

Berdoalah untuk kewartawanan yang baik dan berkesan melalui saluran berita TV Al Jazeera. Dunia Arab sangat dipengaruhi oleh saluran berita ini.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim